

# FATWA MUFTI KERAJAAN JOHOR?

## LAIN DITANYA LAIN DIJAWAB -LAIN SAKIT LAIN DIUBAT

Firman Allah (Maksudnya: “ Ajaklah mereka itu kepada jalan Tuhanmu dengan kebijaksanaan dan nasihat yang baik dan bantahilah mereka dengan cara yang lebih baik”

Di bawah ini kita siarkan fatwa mufti kerajaan Johor Sahib Al-Fadhilah Tuan Al-Syed Alwi bin

Tahir Al-Haddad dengan penuh tatkala menjawab suatu soal yang didatangkan oleh seorang yang bertanya atas perkara yang terbit daripada tulisan Ummu Muhsin di dalam rencananya di bawah tajuk “Hak dan Kebebasan Perempuan” dalam majalah Qalam bilangan 4 dan 5 tahun 1950 yang telah membahas dan memberi fikiran dan pendapatannya tentang masalah yang berkenaan dengan akhbar atau yang lebih terkenal (dengan masalah wali mujbir) di dalam mana penulis itu telah membawa dua hadis tentang menentukan bahawa seorang gadis itu hendaklah dikahwinkan dengan izin. Oleh kerana perkara ini sangat mustahak diselidiki dan dipandang oleh umum terutamanya di atas perkara yang disyak olehnya tentang kuasa-kuasa wali mujbir itu maka di dalam tulisannya ia telah meminta supaya ulama khasnya menghalusi dan selidiki perkara yang termaklum yang sudah tentu bermakna ia telah meminta fikiran di dalam perkara itu untuk keselamatan dan kebersihan keturunan orang-orang Islam pada masa yang akan datang. Sebelumnya memberi pendapat tentang jawapan mufti Johor kepada soal yang dibawa maka moleklah pembaca-pembaca lebih dahulu menatap apa soal dan apa jawab yang telah diberi kepada penyoal itu dan kita tidak sekali-kali hendak melayan cara jawab yang sebegitu rendahnya pada pandangan kita jika kita memandang bahawa yang menjawab itu ialah seorang yang dimegahkan atas alam dan ilmunya yang melayakkan ia memegang jawatan menjadi mufti kerajaan Johor –Pengarang.

Warta Jabatan Agama Johor:

Bilangan 27 (1) tahun yang ketiga

## FATWA

Perkara: Kuat kuasa wali mujbir dalam nikah

Makalah yang bertajuk “Hak dan Kebebasan Perempuan”

Bilangan 5 tahun 1950 bagaimana di bawah ini:

“Bahawa jika tuan-tuan atau ibu bapa hendak mengkahwinkan anak-anaknya yang gadis janganlah sekali-kali dikahwinkan dengan kesukaan sendiri dengan tidak mendapat izin yang sarif daripadanya oleh kerana jika kita tidak sabitkan dengan tepat izinnya sudah tentu perkahwinannya dengan tidak keredhaannya

itu tidak sah, dan akan binasa titisan keturunannya.”

Dalam barisan yang lain pada muka 21 menyatakan:

“Di dalam perkahwinan kerap kali terjadi di dalam lingkungan-lingkungan ulama itu sendiri memaksa anaknya dengan tepat supaya berkahwin dengan orang yang dikehendaknya, dengan alasan bahawa wali mujbir berhak penuh untuk mengkahwinkan anaknya kepada sesiapa juga yang disukainya dengan tidak izin atau tidak lebih dahulu meminta izin daripada anaknya dengan membawa alasan-alasan daripada hadis-hadis yang lemah rawinya yang boleh disifatkan perbuatan itu merampas kebebasan hak perempuan yang telah baligh sebagaimana telah saya rencanakan di dalam tulisan saya dahulu, (faham tentang kuasa wali mujbir yang penuh itu

ada berjalan di dalam mazhab Syafie sahaja, dan ada berjalan di dalam, lingkungan kita, yang saya berharap supaya diselidiki dengan halus dan lebih tepat oleh ulama-ulama kita tentang rawi hadis yang dibawa, oleh kerana yang demikian besar sungguh mudaratnya.....” demikian dalam majalah Qalam.

[Di sini patut diberi tambahan tentang pertanyaan itu sedikit iaitu kalimahnyanya disudahkan.....kalau terjadi dengan tidak keredhaan perempuan itu.....penulisnya telah membuat suatu rangka.....berharap supaya diselidiki dengan halus dan lebih tepat oleh ulama-ulama kita – maksudnya sudah terang supaya ulama-ulama memberi fikiran dan pendapatannya tentang faham yang telah diberinya untuk keselamatan dan kesejahteraan orang ramai di atas perkara menentukan hal yang berkaitan kepada keselamatan perkahwinan anak-anak gadis tetapi malangnya sudah setahun lebih lamanya boleh dikata tidak ada seorang ulama pun di Tanah Melayu memberikan keterangan-keterangan yang jelas menunjukkan di mana letaknya hal yang tersebut dengan berpandu kepada Al-Quran dan Al-Hadis – tidak kepada fikiran dan faham-faham berseorangan. Kita percaya sekiranya diberi keterangan-keterangan yang muktamad dengan nas Al-Quran dan Al-Hadis untuk menolak fahamannya dengan tepat harus ia akan rujuk kepada kebenaran- kerana rujuk kepada barang yang hak itu adalah dituntut dan adalah menjadi sifat orang bertukar-tukar fikiran -P.]

Yang demikian jika ditilik tentang wali mujbir daripada kenyataan di atas itu nyatalah bersalahan dengan yang zahir dalam kitab-kitab Melayu seperti Matla’ Al-Badrain, Ahkam Syariah yang dipelajari di sekolah-sekolah Agama Kerajaan Johor, maka dengan sebab ditakuti jadi kesamaran faham terutama bagi pihak guru-guru agama yang belum mendalam dalam perkara itu, oleh itu hamba pohonkan fatwa Kaus Engku jua untuk penggunaan guru-guru agama khasnya dan supaya dimasukkan ke dalam warta Jabatan Agama untuk faedah am.

Haji Othman bin Haji Muhammad Said

# JAWAB

*Alhamdulillah, wa salatu wasalam ala min la nabiyi ba'duh.*

Bahasan soal itu adalah bertentangan dengan hukum-hukum syarak dalam perkara nikah kahwin dan hal ehwal yang berkenaan dengannya. Setengah penyeru menuntut supaya melepaskan sama sekali kebebasan bagi perempuan-perempuan dengan tidak ada batasannya, iaitu diberi hak bagi tiap-tiap seorang perempuan bebas memilih laki-laki yang disukainya, bersuka-suka dan bersenang-senang dengannya, memuaskan hawa nafsunya dan kehendaknya. Tuntutan itu nampaknya adalah terdiri daripada dua sebab yang besar.

Sebab yang pertama: Hal ehwal penyeru-penyeru itu telah dikhabarkan oleh Rasulullah Salallahu Alaihi Wasalam, iaitu akan zahir pada suatu masa penyeru-penyeru yang berdiri di pintu-pintu neraka, barangsiapa mengikut mereka itu nescaya ia dihumbankan oleh mereka itu ke dalam neraka, dan daripada tangan mereka itulah terhapus akhir cogan agama Islam dan hukum-hukumnya.

Daripada hadis-hadis sahih yang telah diriwayatkan oleh Hakim, Ahmad dan Al-Sabrani daripada Abi Imamah Al-Bahili daripada Rasulullah Salallahu Alaihi Wasalam, sabdanya: *Litanqudna uryal Islam urwata urwata fakkalman naqadat urwata tasyabbas annas bialtaya taliha, wauwalhunna naqadal hukma wahurhunna assolat.* Ertinya: “Bahawa sesungguhnya akan diauraqkan simpulan Islam demi seayat-ayat maka pada tiap-tiap kali diauraq satu kaitan beruntunlah fustul manusia dengan kaitan yang kemudiannya, mula-mulanya diauraq hukum-hukumnya dan yang akhirnya sembahyang”.

Sesungguhnya memang telah runtuh simpulan hukum-hukum Islam melainkan di dalam setengah-setengah negeri Islam yang dinamakan negeri tidak tamadun, seperti negeri Yaman dan seumpamanya, adapun di dalam negeri Islam yang lain hukum-hukum yang berjalan hanya hukum-hukum hawa nafsu.

Diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim daripada Huzaifah bin Al-Yaman Radhiallahu Anhu katanya: Adalah orang-orang bertanya kepada Rasulullah Salallahu Alaihi Wasalam berkenaan dengan kebajikan

saya bertanya kepada baginda berkenaan perkara-perkara kejahatan, kerana saya takut ditimpa oleh kejahatan itu. Sembah saya kepada Rasulullah: Kami dahulu dalam keadaan jahiliyah dan kejahatan, kemudian didatangkan Allah kepada kami kebajikan, adakah kemudian daripada ini akan kejahatan? Sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wasalam: Ya. Sembah saya lagi, adakah kemudian daripada kejahatan itu kebajikan? Sabdanya: Ya padanya dukhan, sembah saya: Apakah: Dukhannya? Sabdanya: Satu kaum memberi pertunjuk bukan dengan pertunjukku, engkau kenal mereka itu dan engkau ingkarkan, sembah saya: Adakah kemudian daripada kebajikan itu kejahatan? Sabdanya: Ia penyeru-penyeru di pintu Jahannam barangsiapa menyahut mereka itu nescaya dihumbankan oleh mereka akan dia ke dalam neraka. Sembah saya: Ya Rasul Allah sifatkan mereka itu kepada kami? Sabda Rasulullah: Mereka itu daripada kita bercakap dengan bahasa-bahasa kita. Pada satu riwayat yang lain mereka itu berhati syaitan dan badan manusia.

Sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wasalam yang menyatakan mereka itu daripada kita dan bercakap dengan bahasa kita, adalah menunjukkan penyeru-penyeru itu zahir dalam umat Islam sendiri, samada daripada bangsa Arab atau bangsa Ajam (bukan Arab).

Hadis Rasulullah Salallahu Alaihi Wasalam itu semuanya benar menurut keadaan yang telah berlaku pada masa ini dan masa yang telah lalu, iaitu ada zahir di antara umat-umat Islam penyeru-penyeru mengajak supaya meninggalkan agama Islam atau merombak-rombak hukum-hukumnya.

Memang telah didapati umat-umat Islam ada meninggalkan hukum-hukum Islam, tidak ada tertinggal hukum-hukum itu melainkan berkenaan pusaka dan nikah dalam pada itu telah nampak pula orang-orang bersungguh-sungguh hendak membuang kedua-dua hukum itu, dengan yang demikian, tidaklah syak inilah dia kebenaran hadis-hadis Rasulullah Salallahu Alaihi Wasalam. Bahkan telah zahir di hadapan kita perkara huru hara, fitnah, persundalan, pelacuran yang dikhabarkan oleh Rasul Allah dan perbuatan-perbuatan yang menghapuskan akidah-akidah orang

Islam sehingga mereka itu berani mengisytiharkan dengan berterus-terang melawan dan mencerca agama Islam yang nyata ada nas-nasnya di dalam Quran, mereka itu ada mempunyai jam'iah-jam'iah yang mengandungi laki-laki dan perempuan bagi menentang agama Islam dan menghapuskannya. Dan tidak ada salah satu daripada jam'iah-jam'iah itu yang menuntut supaya agama Islam dibela atau dikekalkan. Jika didapati salah seorang mengajak berbuat demikian itu nescaya dia dikutuk oleh mereka itu, serta dipandang hina, disifatkan kuno, kolot, otak beku, maju ke belakang dan lain-lain perkataan yang dilancarkan oleh syaitan pada lidah atau qalam mereka itu.

Adalah suatu hakikat yang besar yang sayogia diakui oleh orang-orang Islam zaman sekarang dan kerajaan-kerajaannya bahawa mereka itu sendiri yang telah meninggalkan hukum-hukum agama Islam, kerana enggan menerimanya, melebihi hukum-hukum hawa nafsu daripada hukuman Allah kalau pun ada lagi diajarkan pada setengah-setengah sekolah seperti Sekolah Azhar umpamanya, adalah hanya sebagai menjaga pusaka, sebagaimana mengawal bekas-bekas lama, dengan tidak digunakan dan diambil faedah-faedahnya. Hal ini adalah am di seluruh umat Islam yang ada pada hari ini: Tidak ada lagi undang-undang Islam yang dijalankan di sisi kerajaan-kerajaan yang dinamakan kerajaan Islam melainkan hanya hukum-hukum nikah dan pusaka sahaja, yang dinamakan hukum sahsiah (Personal Law) bahkan setengah daripada kerajaan-kerajaan itu ada pula menggagalkan hukum-hukum sahsiah itu, kerana semata-mata hendak melawan hukum-hukum Allah dan menghapuskannya. Penyeru-penyeru itu bertopengkan Islam tetapi batin mereka itu kafir zandik. Mereka itu sangat cergas dan tekun mengeluarkan dakyah-dakyah propaganda meruntuhkan agama Islam. Aduhai tuan-tuan tidak sebegitu sahaja yang dilakukan oleh mereka bahkan mereka itu telah mengutus pula anak bini mereka jadi pasukan sukarela, bertopengkan nama jemaiah-jemaiah yang pada zahirnya rahmat kasihan, pada hal pada batinnya racun dan azab

(sambungan pada muka 31)

(sambungan daripada muka 10)

membawa kepada runtuh sama sekali rukun-rukun Islam perkara semacam ini, ada termaklum di sisi kebanyakan manusia sehingga orang-orang bukan Islam pun mengetahui. Segala tanda-tandanya ada banyak, maka di sini saya nyatakan hanya satu sahaja daripada tanda-tanda itu, kerana takut jadi panjang dan meleret jawapan saya ini.

Sesungguhnya Mr Lawarrance Browne (Lawarrance Browne) ada menyebutkan di dalam kitabnya yang bernama (The Prospects Islam) yang menunjukkan sebenar-benarnya orang-orang Islam meninggalkan agama mereka demikian ringkasan katanya: Manakala telah kita batalkan undang-undang Islam berkenaan jinayat dan madani (sivil) di India kerana kita ketahui undang-undang itu rujuknya kepada zaman yang telah lapuk tidak berguna pada masa ini dan kita kekalkan undang-undang sahsiah (Personal Law) sahaja. Hal ini seolah-olah telah menyentuh agama orang Islam dan menyakitkan hati mereka itu kerana hal yang demikian itu adalah menjadikan taraf kedudukan orang-orang Islam seakan-akan taraf kedudukan ahli-ahli zimmi, (kafir zimmi di negeri Islam) semenjak beberapa beberapa abad dahulu. Tetapi udara telah bertukar, keadaan telah berubah bukan sahaja orang-orang di India yang telah redha dengan batal undang-undang itu bahkan telah menjangkit ke seluruh kerajaan-kerajaan Islam yang lain mengikut jejak langkah ini, seperti kerajaan Turki dan Albania telah memasukkan pindaan yang baik ke dalam undang-undang nikah kahwin dan pusaka, yang menjadikan undang-undang kerajaan itu mencapai darjah undang-undang kita ada menyainginya, dengan yang demikian ini terbukalah tembelang hakikat yang diangkarakan oleh orang-orang Islam beberapa lamanya, iaitu dahulunya orang-orang Islam mengiktikadkan syariat agama Islam itu diambil daripada wahyu Tuhan, iaitu kitab Quran yang diturunkan dari langit, pada hal hakikat yang sebenarnya hanya cerita karut, dan karangan-karangannya yang disucikan (Flos Fiction) demikianlah perkataan Mr Lawarrance Browne lebih kurang maknanya.

Kekesalan dan tempelak adalah semuanya tertumpu kepada

orang-orang Islam yang membukakan kepadanya jalan, dan memberi batu serta sumpah-sumpah kekotoran supaya merejam agama Islam dengannya. Orang-orang yang menolongnya berbuat demikian itu ialah orang mulhid kafir zindik yang tersergam duduk di atas kerusi-kerusi jawatan yang besar-besar, menerima gaji yang banyak mengambil peluang menghapuskan agama Islam.

Saya katakana tidak ada hari ini suatu undang-undang di atas muka bumi yang menyamai atau dekat dengan keadilan-keadilan hukum-hukum Islam. Bersih daripada tujuan-tujuan dan hawa nafsu yang jahat, hukum-hukum Islam telah pernah dijalankan dalam negeri-negeri yang berkemajuan, mengenai segala peringkat dan golongan manusia, dapat mengamankan penduduk-penduduk dan memakmurkan negeri-negeri aman sentosa dan damai, terjauh daripada jemaah-jemaah dan mazhab-mazhab yang mengganas-ganas, meruntuh keamanan, mengganggu kesenangan membuat huru-hara sehingga bangkit pergaduhan dan peperangan yang membinasakan isi dunia. Ini telah disebutkan oleh Rasulullah Salallahu Alaihi Wasalam. Hatta dalam Injil Bernaba ada disebutkan.

Pada hari ini, kita mengharap-harap supaya kerajaan Islam dan kerajaan yang bukan Islam membiarkan kita dengan undang-undang sahsiah kita jangan dihalang-halang, jangan ditukar dan dirombak, tetapi harapan kita sangat tipis dan terlambat, kerana kerajaan-kerajaan Republik Islam dialah yang mula-mula meruntuhkan tiang-tiang hukum sahsiah Islam, kemudian ditiru pula oleh setengah kerajaan Islam, bahkan kita nampak kerajaan-kerajaan itu telah mengambil fadhul pula hendak meruntuhkan Islam berkenaan hukum sahsiah, iaitu saki baki yang ada tertinggal di dalam tangan orang-orang Islam. Bahkan ahli-ahli agama dan ilmu pengetahuan berpendapat bahawa kerajaan-kerajaan Republik Islam yang membuang tulisan Quran dan tulisan umat Islam adalah bertujuan hendak menghapuskan agama Islam, dan tidak hendak mengakui agama Islam agama rasmi kerajaan bahkan telah menetapkan kerajaan tidak beragama.

Orang-orang Islam yang berdiri mempertahankan agama Islam yang daif pada serba serbi, mereka itu seolah-olah mayat di atas papan mandi, digolekkan oleh orang yang memandikannya

menurut sekehendak hati-hatinya tidak ada kedengaran suara daripada mereka itu, sekalipun berseru bermohon supaya jangan diganggu agama mereka, betapa lagi membangkangnya jauh sekali, memang mereka tidak berdaya membuka mulut tetapi yang sebenarnya setengah kerajaan Islam yang mengaku agama rasminya Islam, dialah yang lebih mencerooboh ke atas hukum-hukum Islam sahshiah dan lain-lainnya, maka diambilnya daripada orang-orang yang mengaku ulama, bahkan orang-orang yang memakan rasuah dan haram, menjualkan agama dengan sumpah-sumpah dunia, memesongkan nas-nas Al-Quran, dari yang demikian itu tidaklah pelik jika diturunkan bala ke atas orang-orang Islam dan kerajaan Islam.

Tuan penyoal tidak menyalin mudhuk asykal-nya daripada makalah yang bertajuk “Hak dan Kebebasan Perempuan” kesemuanya hanya mencabut daripada makalah itu demikian bunyinya “faham tentang kuasa wali mujbir itu berjalan di dalam mazhab Imam Syafie sahaja.”

Perenggan kata “Hak dan Kebebasan Perempuan” sebelum saya menjawabnya sayogialah diketahui adakah penulis makalah itu membina perkataannya pada hak-hak perempuan dan kebebasannya di atas kaedah agama Islam? Atau dibinanya atas kaedah kemajuan fasik yang hampir-hampir meliputi seluruh dunia hari ini? Yang tidak pernah terjadi semenjak dahulunya iaitu bidaah dalam agama-agama lain daripada Islam, dan adat kemanusiaan zaman dahulu, kemudian mendakwa Islam setuju dengannya, inilah dianya hakikat kufur yang tiada disangkal lagi.

Tujuan penulis makalah itu tidak terang, kerana tuan penyoal tidak menyebutkan kesemuanya, maka terpaksalah kita tangguhkan jawabnya, sehingga kita ketahui adakah yang mengatakannya itu daripada penulis itu sendiri, ataupun disalinnya daripada orang lain? Atau didapatnya daripada perkataan puak Batiniyyah yang mereka itu memang keluar daripada agama Islam, yang lebih cergas menyiarkan mazhab mereka ialah puak Babiyah, Qadyaniyah, dan Ismailiah. Mazhab mereka itu adalah campuran daripada ramuan akidah Disaniah, Majusiah, Dahriah, Sa'ibah, dan lain-lainnya daripada puak-puak kafir. Gerakan mereka itu adalah terdiri di atas

dasar dajal dan zahir pada tiap-tiap zaman dengan mengikut keadaan masa. Dalam kurun Islam yang ketiga dan kemudiannya mereka itu zahir bermazhab syiah, kemudian apabila tersiar tasawwuf di alam Islam, mereka campurkan tasawwuf dengan membuat satu kaedah atau tariqat yang membawa kepada kafir, di Timur. Jauh mereka itu menarik orang-orang Islam kembali kepada agama Buddha, mereka itu berselimut dan bertopengkan Islam. Dari sebab yang demikian itu telah terjadi peperangan yang hebat di Sumatera di antara orang Islam dengan orang yang murtad balik kepada menyembah berhala perempuan yang dinamakan (Perpatih) dan diterjemahkan oleh setengah penulis (Browati) berhala ini ada di (Khajoor) dalam negeri India dan dengan sebab yang demikian itu jua telah terjadi peperangan yang berlanjutan di antara orang-orang Islam yang sebenar dengan orang-orang yang zahirnya Islam. Setengah daripada Raja mereka itu telah membunuh dalam 4,000 ulama Islam berserta anak bini mereka setelah dikumpulkan dalam satu tempat kurungan, barangsiapa hendak meluaskan pengetahuannya dalam perkara ini bolehlah ia rujuk kepada tawarikh Islam di Timur Jauh.

Adapun tujuan saya membawa tuan kepada yang tersebut di atas, ialah kerana saya dapati seakan-akan serupa dengan yang disalin oleh tuan penyoal pada setengah makalah-makalah Qadyani dan penyeru-penyeru yang berselimut dan bertopeng agama Islam, dan setengah orang yang bertopengkan Islam, iaitu orang-orang yang menyembah berhala Majusi hendak yang mahsyur namanya (Sewa atau Shewa atau Siswa).

## KEBEBASAN PEREMPUAN

---

Tuan-tuan agaknya kerap kali terpancang makalah-makalah yang sibuk penulis-penulisnya dengan kebebasan perempuan dan kahwin paksa. Mereka itu kebanyakannya daripada orang-orang yang jahil berkenaan hukum-hukum Islam, dan makna kebebasan dalam Islam. Mereka itu sebenarnya menyeru kepada hukum-hukum syaitan, hawa nafsu dan kebebasan fasik, mencabul kesopanan perempuan, merogol kehormatannya, menghapuskan maruah anak-anak dara,